



SIARAN AKHBAR

WAKTU OPERASI BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK SEMPENA CUTI SYAWAL 1444H/2023M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai bahawa:

Jika 1 Syawal 1444H jatuh pada	BDCB* akan ditutup	BDCB* akan dibuka semula
Jumaat, 21 April 2023	Jumaat, 21 April 2023 – Selasa, 25 April 2023	Rabu, 26 April 2023
Sabtu, 22 April 2023	Isnin, 24 April 2023 – Rabu, 26 April 2023	Khamis, 27 April 2023

*Ini termasuk Galeri Mata Wang dan Gift Shop BDCB; Mesin Deposit Syiling BDCB; kaunter perkhidmatan pelanggan Biro Kredit; dan kaunter-kaunter pembayaran dan perkhidmatan BDCB yang lain.

2. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pembayaran Dolar Brunei (BND) di antara bank-bank berjalan dengan lancar, operasi bagi Sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) BDCB, Sistem Automated Clearing House (ACH) dan Sistem Central Securities Depository (CSD) akan mula beroperasi seperti biasa bermula hari Selasa, 25 April 2023 (jika 1 Syawal 1444H jatuh pada hari Jumaat, 21 April 2023) atau hari Rabu, 26 April 2023 (jika 1 Syawal 1444 jatuh pada hari Sabtu, 22 April 2023).
3. BDCB ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dialami dan seterusnya ingin mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin**.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 28 Ramadhan 1444H/ 19 April 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3